



**Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar**

**GARIS PANDUAN  
ANUGERAH GEOSPATIAL KEBANGSAAN 2018  
(AGK 2018)**



## **A. TUJUAN GARIS PANDUAN**

1. Garis panduan ini bertujuan untuk membantu organisasi/agensi mengemukakan permohonan bagi menyertai Anugerah Geospacial Kebangsaan 2018 (AGK 2018). Garis Panduan ini merangkumi syarat-syarat penyertaan, proses pemilihan, kriteria-kriteria penilaian dan tatacara penyertaan yang akan digunakan.

2. Pemenang AGK 2018 akan dipilih oleh Panel Khas Penilai dan keputusan adalah muktamad. Panel Khas Penilai juga berhak membatalkan penyertaan sekiranya didapati organisasi/agensi tidak memenuhi mana-mana syarat yang ditetapkan. AGK 2018 ini akan disampaikan kepada pemenang-pemenang pada Simposium Maklumat Geospacial Kebangsaan Ke-8 yang akan diadakan pada 10-11 Julai 2018.

## **B. ANUGERAH GEOSPATIAL KEBANGSAAN 2018 (AGK 2018)**

### **I. Pengenalan**

3. Anugerah Geospacial Kebangsaan (AGK) merupakan satu inisiatif bagi mengiktiraf organisasi/agensi yang bergiat aktif dan inovatif dalam bidang geospacial. Ianya bertujuan untuk merangsang penggunaan teknologi geospacial seterusnya meningkatkan inovasi dalam bidang geospacial yang menjurus kepada pembangunan negara. Selain itu, inisiatif ini juga bertujuan untuk menyuntik kesedaran dan mencetuskan gelombang perubahan di kalangan organisasi/agensi dalam memperkasa aktiviti-aktiviti

geospasial pada masa kini dan akan datang. Inisiatif ini mula dilaksanakan pada tahun 2012 melalui Anugerah Khas MyGDI sebagai pengiktirafan kepada organisasi/agensi yang banyak menyumbang kepada pembangunan MyGDI. Berdasarkan perkembangan terkini, inisiatif ini diteruskan secara dwi-tahunan dan diperluaskan kepada semua pihak yang terlibat dalam aktiviti geospasial melalui dua (2) kategori anugerah iaitu Anugerah Kecemerlangan Geospasial dan Anugerah MyGDI Kebangsaan.

## **II. Objektif**

4. Objektif AGK 2018 adalah:

- Memberi pengiktirafan kepada organisasi/agensi yang cemerlang dalam aktiviti berkaitan geospasial; dan
- Menggalakkan penglibatan organisasi/agensi dalam aktiviti geospasial.

### III. Syarat-Syarat Penyertaan

5. Syarat-syarat penyertaan AGK 2018 adalah seperti berikut:

#### a. Anugerah Kecemerlangan Geospacial (Umum)

- i. Terbuka kepada semua agensi sektor awam, badan berkanun dan Universiti Awam;
- ii. Maksimum dua (2) penyertaan bagi setiap organisasi/agensi;
- iii. Penghasilan projek/program geospacial hendaklah **diterajui** oleh organisasi/agensi sendiri;
- iv. Penghasilan projek/program geospacial yang telah dilaksanakan sekurang-kurangnya bagi tempoh **satu (1) tahun**;
- v. Borang penyertaan adalah seperti di **LAMPIRAN A1**;
- vi. Setiap penyertaan perlu mendapat pengesahan daripada Ketua organisasi/agensi;
- vii. Laporan hendaklah mengikut format seperti di **LAMPIRAN B1**;
- viii. Penyertaan bagi projek/program yang pernah memenangi anugerah ini tidak akan dipertimbangkan; dan
- ix. Organisasi/agensi perlu bersedia untuk berkongsi idea dengan organisasi/agensi lain sekiranya terpilih sebagai pemenang.

**b. Anugerah MyGDI Kebangsaan (Agensi Kerajaan)**

- i. Terbuka kepada semua Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Pembekal Data Persekutuan yang terlibat di bawah Program MyGDI. Program MyGDI merupakan program nasional bagi membangunkan infrastruktur perkongsian data geospasial antara agensi-agensi pembekal dan pengguna data geospasial;
- ii. Borang penyertaan adalah seperti di **LAMPIRAN A1**;
- iii. Setiap penyertaan perlu mendapat pengesahan daripada Ketua organisasi/agensi;
- iv. Laporan hendaklah mengikut format seperti di **LAMPIRAN C1**;
- v. Penyertaan bagi organisasi/agensi yang pernah memenangi anugerah ini tidak akan dipertimbangkan; dan
- vi. Organisasi/agensi bersedia untuk berkongsi idea dengan organisasi/agensi lain sekiranya terpilih sebagai pemenang.

**IV. Kaedah Pemilihan dan Insentif**

**a. Anugerah Kecemerlangan Geospasial (Umum)**

- i. Pihak urus setia akan membuat tapisan awal bagi memastikan organisasi/agensi memenuhi syarat-syarat penyertaan yang telah ditetapkan. Pemarkahan

berdasarkan format laporan yang telah ditetapkan seperti di **LAMPIRAN B1**;

- ii. Organisasi/agensi yang disenarai pendek akan dimaklumkan untuk sesi pembentangan kepada Panel Khas Penilai;
- iii. Pemenang akan diumumkan dalam Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) ke-8 pada 10-11 Julai 2018; dan
- iv. Pemenang-pemenang akan menerima hadiah seperti berikut:
  - a) Trofi;
  - b) Wang Tunai; dan
  - c) Sijil Penyertaan.

**b. Anugerah MyGDI Kebangsaan (Agensi Kerajaan)**

- i. Pihak urus setia akan membuat tapisan awal bagi memastikan organisasi/agensi memenuhi syarat-syarat penyertaan yang telah ditetapkan. Pemarkahan berdasarkan format laporan yang telah ditetapkan seperti di **LAMPIRAN C1** dan seterusnya akan dibentangkan kepada Panel Khas Penilai;
- ii. Sesi pengauditan ke organisasi/agensi yang disenarai pendek akan dilaksanakan (jika perlu);

- iii. Pemenang akan diumumkan dalam Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) ke-8 pada 10-11 Julai 2018; dan
- iv. Pemenang-pemenang akan menerima hadiah seperti berikut:
  - a) Trofi;
  - b) Wang Tunai; dan
  - c) Sijil Penyertaan.

## V. Kriteria-Kriteria Penilaian

### a. Anugerah Kecemerlangan Geospatial (Umum)

Bil	Kriteria	Peratusan (%)
1	Pengenalan dan Objektif	12
2	Pelaksanaan	20
3	Signifikan dan Impak	60
4	Umum	8
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>



**b. Anugerah MyGDI Kebangsaan (Agensi Kerajaan)**

<b>Bil</b>	<b>Kriteria</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>1</b>	<b>Tadbir Urus</b>	<b>25</b>
<b>2</b>	<b>Perkhidmatan Maklumat Geospacial</b>	<b>45</b>
<b>3</b>	<b>Standard dan Polisi</b>	<b>20</b>
<b>4</b>	<b>Modal Insan</b>	<b>5</b>
<b>5</b>	<b>Lain-lain</b>	<b>5</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>

**VI. Tatacara Penyertaan**

6. Organisasi/Agensi yang berhasrat untuk menyertai AGK 2018 perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:-

- a) Melengkapkan borang penyertaan seperti di **LAMPIRAN A1** dengan ditandatangani oleh Ketua Organisasi/Agensi;
- b) Mengisi senarai semak permohonan AGK 2018 seperti di **LAMPIRAN A2**;
- c) Menyediakan sesalinan laporan AGK 2018 bersama *softcopy* dalam *Microsoft Word* berdasarkan format iaitu:
  - i. **LAMPIRAN B1** (Anugerah Kecemerlangan Geospacial); atau
  - ii. **LAMPIRAN C1 (Anugerah MyGDI Kebangsaan)**.

- d) Menyediakan ringkasan laporan AGK 2018 bersama *softcopy* dalam *Microsoft Excel* seperti berikut:
- i. **LAMPIRAN B2 (Anugerah Kecemerlangan Geospatial)**; atau
  - ii. **LAMPIRAN C2 (Anugerah MyGDI Kebangsaan).**
- e) Mengemukakan borang penyertaan AGK 2018 bersama laporan AGK 2018 **sebelum atau pada 06 APRIL 2018** kepada:-

Pengarah

Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)

Aras 7 & 8, Wisma Sumber Asli

No. 25, Persiaran Perdana

Presint 4, 62574, Putrajaya, Malaysia

**(u.p : Urus Setia Anugerah Geospatial Kebangsaan)**

No. Faks : +603-8889 4851

Email : [anugerahNGIS@macgdi.gov.my](mailto:anugerahNGIS@macgdi.gov.my)

**BORANG PENYERTAAN  
ANUGERAH GEOSPATIAL KEBANGSAAN 2018 (AGK 2018)**

**A – MAKLUMAT PENYERTAAN**

Kategori Anugerah : Umum / MyGDI (potong yang tidak berkaitan)  
Nama Projek \* :

\* Untuk kategori Anugerah Kecemerlangan Geospasial (Umum) sahaja.

**B - MAKLUMAT ORGANISASI/AGENSI**

Nama Organisasi/Agensi :  
Alamat Organisasi/Agensi :  
No. Telefon :  
No. Faks :

**C - PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB UNTUK DIHUBUNGI**

Nama :  
Jawatan :  
No. Telefon :  
No. Faks :  
E-mel :

**D- PENGESAHAN KETUA ORGANISASI/AGENSI**

-----  
Tandatangan  
Ketua Organisasi/Agensi

-----  
Cop Rasmi Organisasi/Agensi

Nama:  
Jawatan:  
Tarikh:

**SENARAI SEMAK**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa perkara-perkara tersebut telah dipatuhi dalam mengemukakan borang penyertaan.

(Sila tandakan  $\surd$  )

- Menyertakan borang penyertaan yang telah ditandatangani oleh Ketua Organisasi/Agensi.
- Menyertakan sesalinan *hardcopy* laporan AGK 2018.
- Menyertakan *softcopy* laporan AGK 2018 dalam bentuk *Microsoft Word*.
- Menyertakan *softcopy* ringkasan laporan AGK 2018 (Lampiran B2/ Lampiran C2) dalam bentuk *Microsoft Excel*.

-----  
Tandatangan

-----  
Cop Rasmi Organisasi/Agensi

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

**FORMAT LAPORAN**

<b>Tajuk Projek/program</b>	:
<b>Nama Organisasi/Agensi</b>	:
<b>Kategori</b>	: <b>Anugerah Kecemerlangan Geospacial (Umum)</b>

Organisasi/agensi bagi kategori ini perlu menyediakan laporan secara bertulis berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Kriteria</b>
<b>1.</b>	<b>Pengenalan dan Objektif (12 Markah)</b>
	<p>Keterangan projek/program merangkumi perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pengenalan</li> <li>ii. Objektif (selaras dengan dasar kerajaan)</li> <li>iii. Deskripsi (justifikasi/rasional pelaksanaan atau penghasilan projek/program)</li> <li>iv. Idea [asli, unik dan tersendiri atau adaptasi (menggunakan aplikasi sedia ada dan dibuat penambahbaikan)]</li> </ol>
<b>2.</b>	<b>Pelaksanaan (20 Markah)</b>
	<p>Pelaksanaan projek/program daripada aspek:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tadbir urus projek/program</li> <li>ii. Kaedah pembangunan projek/program (in-house/outsource)</li> <li>iii. Pengemaskinian data</li> <li>iv. Sumber data projek/program: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengutipan data melalui kerja lapangan;</li> <li>• Perolehan data; dan/atau</li> <li>• Perkongsian data.</li> </ul> </li> </ol>

Bil	Kriteria
	v. Pematuhan kepada standard berkaitan geospasial.
<b>3.</b>	<b>Signifikan dan Impak (60 Markah)</b>
	<p>Kepentingan projek/program daripada aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memenuhi keperluan semasa atau baru.</li> <li>ii. Menawarkan penyelesaian/kreativiti dalam menyelesaikan masalah.</li> <li>iii. Menyokong dasar dan program Kerajaan.</li> <li>iv. Kebolehcapaian projek/program kepada umum atau terhad.</li> </ul>
	<p>Impak projek/program daripada aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Faedah daripada pelaksanaan projek/program kepada agensi, negeri dan negara.</li> <li>ii. Impak positif hasil daripada keberkesanan/kecekapan projek/program.</li> <li>iii. Penjimatan yang diperolehi (contoh: kos/masa/kualiti/tenaga kerja).</li> </ul>
<b>4.</b>	<b>Nilai tambah (8 Markah)</b>
	<p>Perkara-perkara umum yang meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Potensi projek/program dari segi kesinambungan, pemantauan, pengemaskinian dan penyelenggaraan berterusan.</li> <li>ii. Penganjuran kursus, <i>transfer of technology</i> (ToT) dan sebagainya oleh organisasi/agensi bagi memantapkan pelaksanaan projek/program.</li> <li>iii. Aktiviti pengurusan perubahan yang dijalankan oleh organisasi/agensi. (contoh : pameran,seminar/bengkel, lawatan dan sebagainya)</li> <li>iv. Pengiktirafan yang pernah diterima oleh organisasi/agensi berkaitan projek/program. (contoh : antarabangsa/dalam negeri)</li> <li>v. Manfaat kepada masyarakat hasil daripada projek/program.</li> </ul>

**RINGKASAN LAPORAN  
ANUGERAH KECEMERLANGAN GEOSPATIAL (UMUM)**

<b>Bil</b>	<b>Kriteria</b>	<b>Ya/Tidak</b>	<b>Penerangan</b>
<b>1</b>	<b>Pengenalan dan Objektif (12 Markah)</b>		
	<p>Keterangan projek/program merangkumi perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. Pengenalan</li><li>ii. Objektif (selaras dengan dasar kerajaan)</li><li>iii. Deskripsi (justifikasi/rasional pelaksanaan atau penghasilan projek/program)</li><li>iv. Idea [asli, unik dan tersendiri atau adaptasi (menggunakan aplikasi sedia ada dan dibuat penambahbaikan)]</li></ol>		
<b>2</b>	<b>Pelaksanaan (20 Markah)</b>		
	<p>Pelaksanaan projek/program daripada aspek:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. Tadbir urus projek/program</li><li>ii. Kaedah pembangunan projek/program (in-house/outsource)</li><li>iii. Pengemaskinian data</li><li>iv. Sumber data projek/program:<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengutipan data melalui kerja lapangan;</li><li>• Perolehan data; dan/atau</li><li>• Perkongsian data.</li></ul></li><li>v. Pematuhan kepada standard berkaitan geospacial.</li></ol>		
<b>3</b>	<b>Signifikan dan Impak (60 Markah)</b>		
	<p>Kepentingan projek/program daripada aspek:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. Memenuhi keperluan semasa atau baru.</li></ol>		

	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Menawarkan penyelesaian/kreativiti dalam menyelesaikan masalah.</li> <li>iii. Menyokong dasar dan program Kerajaan.</li> <li>iv. Kebolehcapaian projek/program kepada umum atau terhad.</li> </ul> <p>Impak projek/program daripada aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Faedah daripada pelaksanaan projek/program kepada agensi, negeri dan negara.</li> <li>ii. Impak positif hasil daripada keberkesanan/kecekapan projek/program.</li> <li>iii. Penjimatan yang diperolehi (contoh: kos/masa/kualiti/tenaga kerja).</li> </ul>		
<b>4</b>	<b>Nilai Tambah (8 Markah)</b>		
	<p>Perkara-perkara umum yang meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Potensi projek/program dari segi kesinambungan, pemantauan, pengemaskinian dan penyelenggaraan berterusan.</li> <li>ii. Penganjuran kursus, <i>transfer of technology</i> (ToT) dan sebagainya oleh organisasi/agensi bagi memantapkan pelaksanaan projek/program.</li> <li>iii. Aktiviti pengurusan perubahan yang dijalankan oleh organisasi/agensi. (contoh: pameran, seminar/bengkel, lawatan dan sebagainya)</li> <li>iv. Pengiktirafan yang pernah diterima oleh organisasi/agensi berkaitan projek/program. (contoh : antarabangsa/dalam negeri)</li> <li>v. Manfaat kepada masyarakat hasil dari projek/program.</li> </ul>		



**FORMAT LAPORAN**

<b>Nama Agensi:</b>		
<b>Persekutuan</b> <input type="checkbox"/>	<b>Negeri</b> <input type="checkbox"/>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b> <input type="checkbox"/>
<b>Kategori:</b>	<b>Anugerah MyGDI Kebangsaan (Agensi Kerajaan)</b>	

Agensi perlu menyediakan laporan secara bertulis berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Kriteria</b>
<b>1.</b>	<b>Tadbir Urus (25 Markah)</b>
	<p>Komitmen agensi dalam memastikan/menyokong kejayaan pembangunan dan pelaksanaan Program MyGDI.</p> <p>i. Penglibatan dan komitmen pihak pengurusan atasan melalui kehadiran mesyuarat berkaitan aktiviti geospasial khususnya MyGDI seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• JPMK (nyatakan gred pegawai yang hadir)</li><li>• JPMN (nyatakan kekerapan mesyuarat dan tarikh)</li><li>• JTMN (nyatakan kekerapan mesyuarat dan tarikh)</li><li>• Lain-lain Jawatankuasa MyGDI (nyatakan nama jawatankuasa contoh JTCM, JTFM, JTSM, JTNGK, JTNG, JKPDNG)</li></ul> <p>ii. Perancangan program geospasial organisasi/agensi didokumenkan (pelan strategik, pelan induk atau sebarang dokumen berkaitan).</p> <p>iii. Bilangan projek atau inisiatif berkaitan geospasial yang telah dilaksanakan atau dalam perancangan.</p> <p>iv. Bajet khusus berkaitan geospasial dalam perancangan bajet tahunan.</p>

Bil	Kriteria
	v. Seksyen/unit yang khusus dalam kerja-kerja berkaitan geospasial (Seksyen/Unit GIS dan bilangan perjawatan).
<b>2.</b>	<b>Perkhidmatan Maklumat Geospasial (45 Markah)</b>
	<p>Nyatakan dengan jelas inisiatif agensi dalam menyokong program MyGDI melalui pembangunan maklumat geospasial seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bilangan projek/program geospasial yang telah dihasilkan dan impak projek berkenaan kepada kumpulan sasaran.</li> <li>ii. Bentuk produk yang dihasilkan (contoh: aplikasi, peta, data).</li> <li>iii. Kaedah pengemaskinian data bagi memastikan ketersediaan, kekinian dan kualiti data yang dihasilkan.</li> <li>iv. Kaedah perkongsian maklumat (percuma atau berbayar).</li> <li>v. Bilangan metadata yang telah diterbitkan di dalam katalog metadata MyGDI (MyGDI Explorer).</li> <li>vi. Pengiktirafan yang pernah diterima berkaitan projek/program (antarabangsa/dalam Negeri).</li> </ul>
<b>3.</b>	<b>Standard dan Polisi (20 Markah)</b>
	<p>Nyatakan dengan jelas penggunaan standard dan polisi agensi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menggunapakai standard yang telah dibangunkan di bawah program MyGDI (contoh: MS1759, UPI, MyGDI Metadata Standard).</li> <li>ii. Penggunaan standard-standard lain berkaitan geospasial (contoh: Penggunaan Unjuran Peta GDM2000, Data Quality (DQ) dan lain-lain).</li> <li>iii. Polisi perkongsian yang jelas bagi produk yang telah dihasilkan (G2G, G2B, G2C, G2E).</li> <li>iv. Penetapan harga data dalam bentuk hardcopy atau digital (nyatakan produk dan harga).</li> </ul>
<b>4.</b>	<b>Modal Insan (5 Markah)</b>
	i. Bilangan pegawai yang diberi latihan berkaitan geospasial.

<b>Bil</b>	<b>Kriteria</b>
	ii. Bilangan latihan berkaitan geospasial yang dilaksanakan. iii. Bilangan latihan berkaitan geospasial yang dihadiri.
<b>5.</b>	<b>Lain-lain (5 Markah)</b>
	i. Nyatakan perancangan masa depan dalam memperkasakan aktiviti geospasial di Negeri/PBT/Agensi.

**RINGKASAN LAPORAN  
ANUGERAH MYGDI KEBANGSAAN (AGENSI KERAJAAN)**

<b>Bil</b>	<b>Kriteria</b>	<b>Ya/Tidak</b>	<b>Penerangan</b>
<b>1</b>	<b>Tadbir Urus (25 Markah)</b>		
	<p>Komitmen agensi dalam memastikan/menyokong kejayaan pembangunan dan pelaksanaan Program MyGDI.</p> <p>i. Penglibatan dan komitmen pihak pengurusan atasan melalui kehadiran mesyuarat berkaitan aktiviti geospasial khususnya MyGDI seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• JPMK (nyatakan gred pegawai yang hadir)</li> <li>• JPMN (nyatakan kekerapan mesyuarat dan tarikh)</li> <li>• JTMN (nyatakan kekerapan mesyuarat dan tarikh)</li> <li>• Lain-lain Jawatankuasa MyGDI (nyatakan nama jawatankuasa contoh JTCM, JTFM, JTSM, JTNGK, JTNG, JKPDNG)</li> </ul> <p>ii. Perancangan program geospasial organisasi/agensi didokumenkan (pelan strategik, pelan induk atau sebarang dokumen berkaitan).</p> <p>iii. Bilangan projek atau inisiatif berkaitan geospasial yang telah dilaksanakan atau dalam perancangan.</p> <p>iv. Bajet khusus berkaitan geospasial dalam perancangan bajet tahunan.</p> <p>v. Seksyen/unit yang khusus dalam kerja-kerja berkaitan geospasial (Seksyen/Unit GIS dan bilangan perjawatan).</p>		

<b>2</b>	<b>Perkhidmatan Maklumat Geospasial (45 Markah)</b>		
	<p>Nyatakan dengan jelas inisiatif agensi dalam menyokong program MyGDI melalui pembangunan maklumat geospasial seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bilangan projek/program geospasial yang telah dihasilkan dan impak projek berkenaan kepada kumpulan sasaran.</li> <li>ii. Bentuk produk yang dihasilkan (contoh: aplikasi, peta, data).</li> <li>iii. Kaedah pengemaskinian data bagi memastikan ketersediaan, kekinian dan kualiti data yang dihasilkan.</li> <li>iv. Kaedah perkongsian maklumat (percuma atau berbayar).</li> <li>v. Bilangan metadata yang telah diterbitkan di dalam katalog metadata MyGDI (MyGDI Explorer).</li> <li>vi. Pengiktirafan yang pernah diterima berkaitan projek/program (antarabangsa/dalam Negeri).</li> </ul>		
<b>3</b>	<b>Standard dan Polisi (20 Markah)</b>		
	<p>Nyatakan dengan jelas penggunaan standard dan polisi agensi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menggunakan standard yang telah dibangunkan di bawah program MyGDI (contoh: MS1759, UPI, MyGDI Metadata Standard).</li> <li>ii. Penggunaan standard-standard lain berkaitan geospasial (contoh: Penggunaan Unjuran Peta GDM2000, Data Quality (DQ) dan lain-lain).</li> <li>iii. Polisi perkongsian yang jelas bagi produk yang telah dihasilkan (G2G, G2B, G2C, G2E).</li> <li>iv. Penetapan harga data dalam bentuk hardcopy atau digital (nyatakan produk dan harga).</li> </ul>		

<b>4</b>	<b>Modal Insan (5 Markah)</b>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bilangan pegawai yang diberi latihan berkaitan geospasial.</li> <li>ii. Bilangan latihan berkaitan geospasial yang dilaksanakan.</li> <li>iii. Bilangan latihan berkaitan geospasial yang dihadiri.</li> </ul>		
<b>5</b>	<b>Lain-lain (5 Markah)</b>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Nyatakan perancangan masa depan dalam memperkasakan aktiviti geospasial di Negeri/PBT/Agensi.</li> </ul>		